



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2011/2012

- NAMA KURSUS : HUBUNGAN ETNIK
- KOD KURSUS : UWS 10202/UMS 1122
- PROGRAM : 1 BDD/BEF/BFF
2 BEE/BFF
3 BEE
- TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI 2012
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN
DALAM BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN DENGAN
MENGUNAKAN PENSIL 2B
SAHAJA
- B) DILARANG MEMBAWA
KERTAS SOALAN INI KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN

- S1** Etnik atau kaum merupakan konsep yang merujuk kepada suatu kumpulan manusia yang dicirikan oleh _____.
- A perbezaan geografi
 - B persamaan ideologi
 - C perbezaan kebudayaan
 - D penumpuan gen tertentu
- S2** Jelaskan kepentingan pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat majmuk?
- A Mengikat ahli masyarakat melalui ciri-ciri kebudayaan dan aspirasi yang sama
 - B Memberi garis panduan bertingkah laku melalui nilai dan norma kepada ahli masyarakat
 - C Menyedia sistem set interaksi yang baik kepada ahli masyarakat melalui cara berfikir dan bertindak
 - D Mengukur set penilaian untuk menjadi titik rujukan melalui persamaan pegangan dan ideologi kepada ahli masyarakat
- S3** Pilih matlamat utama berintegrasi
- A Mewujudkan masyarakat majmuk yang harmoni
 - B Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju
 - C Membawa kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum
 - D Mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah
- S4** Manakah di antara berikut bukan merupakan ciri-ciri masyarakat pluraliti baru?
- A Pemerintah dan yang diperintah berlainan bangsa dan hidup dalam satu budaya
 - B Bangsa yang berbeza tetapi mempunyai keinginan yang sama seperti keamanan dan kesejahteraan
 - C Satu set nilai, budaya dan politik yang dikongsi oleh masyarakat yang berbeza melalui persetujuan kebangsaan
 - D Pembentukan masyarakat secara semulajadi, tanpa paksaan dan berlaku asimilasi budaya secara sukarela dengan budaya tempatan

- S5** Apakah titik perubahan utama yang berpunca daripada Peristiwa 13 Mei 1969?
- A Usaha-usaha meningkatkan kekayaan etnik Melayu telah diberi keutamaan
 - B Usaha-usaha pengukuhan politik giat dilaksanakan dengan penubuhan Barisan Nasional
 - C Usaha-usaha memperkasakan demokrasi berparlimen melalui pemerintahan berkualiti
 - D Usaha-usaha serius ditumpukan bagi mengurus perbezaan dan sensitiviti yang terdapat dalam masyarakat majmuk
- S6** Yang manakah satu faktor di bawah ini yang menggagalkan pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu di dalam Wawasan 2020?
- A Gambaran rasa bangga mengidentifikasikan diri sebagai warganegara Malaysia
 - B Penerimaan Malaysia oleh rakyatnya sebagai tanah air tunggal dengan penuh kesetiaan
 - C Pembinaan masyarakat yang bersatu padu berlandaskan penguatkuasaan undang- undang
 - D Kerjasama yang komited oleh rakyatnya bagi menjayakan cita-cita negara yang dikongsi bersama
- S7** Agama mampu menjadi pemangkin dalam mewujudkan keharmonian masyarakat pelbagai etnik melalui
- A upacara ibadat
 - B ilmu pengetahuan
 - C majlis dan perayaan
 - D penghayatan dan pengamalan

Soalan 8 berdasarkan Jadual 1

Jadual 1

Kumpulan Ras		Warna Kulit	
O	Mongoloid	T	Kelabu
P	Negroid	U	Merah
Q	Austroloid	V	Putih
R	Caucasoid	W	Hitam
S	American Indian	X	Kuning

S8 Padankan kumpulan ras dan warna kulitnya

- A O:X, P:W, Q:U, R:V dan S:T
- B O:T, P:V, Q:X, R:U dan S:W
- C O:V, P:X, Q:T, R:W dan S:U
- D O:X, P:W, Q:T, R:V dan S:U

S9 Apakah kategori untuk ras etnik Melayu?

- A Negroid
- B American
- C Caucasoid
- D Mongoloid

S10 Berikut adalah bukan merupakan ciri kebudayaan

- A Boleh diwarisi
- B Tidak berubah
- C Pandangan dunia
- D Bersifat universal

S11 Kedudukan istimewa orang Melayu yang menjadi unsur tradisi di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia disebut di dalam

- A Perkara 14
- B Perkara 32
- C Perkara 152
- D Perkara 153

S12 Dasar Pembangunan Nasional meliputi tempoh berikut iaitu

- A 1991 - 2000
- B 1991 - 2005
- C 1991 - 2010
- D 1991 - 2020

S13 Bilakah parti UMNO yang mewakili kaum Melayu ditubuhkan?

- A Jun 1951
- B Mei 1946
- C Ogos 1946
- D Februari 1949

S14 Rukun Negara digubal untuk menjadi panduan dalam mewujudkan sebuah negara yang rakyatnya hidup bersatu padu dan harmoni.

Organisasi yang terlibat dalam penggubalan Rukun Negara ialah

- A Majlis Perundingan Negara
- B Majlis Tindakan Perpaduan Negara
- C Majlis Perundingan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara
- D Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

S15 Apakah matlamat **utama** pembentukan masyarakat Islam Hadhari?

- A Menjadikan Islam sebagai sebuah Negara maju
- B Menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam
- C Menjadikan agama Islam sebagai agama yang dianuti oleh semua kaum
- D Membangunkan warga Malaysia menurut acuan kita sendiri yang berasaskan masyarakat cemerlang, gemilang dan terbilang

Soalan 16 berdasarkan Pernyataan 1

Pernyataan 1

- Tidak terkongkong dan terbelenggu dengan sesuatu fahaman
- Kekuatan jiwa dan rohani
- Berkeyakinan dan berpotensi

S16 Pernyataan di atas dikaitkan dengan salah satu prinsip Wawasan 2020 iaitu

- A mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
- B mewujudkan masyarakat yang liberal dan bertolak ansur
- C memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang
- D membina masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan

S17 Pilih jawapan yang **tepat** bentuk hubungan bilateral Malaysia

- A Malaysia
- B Malaysia - NAM
- C Malaysia - ASEAN
- D Malaysia - Singapura

S18 Kesan daripada terbentuknya masyarakat pluralistik, mengakibatkan rangka dan cara mengupas perkembangan Alam Melayu lebih terfokus dengan menggunakan kaedah

- A modenisme metodologikal
- B nasionalisme metodologikal
- C kolonialisme metodologikal
- D emperialisme metodologikal

S19 Antara berikut yang manakah satu **bukan** persoalan penting dalam konteks pembinaan negara bangsa?

- A Nasionalisme
- B Etnosentrisme
- C Identiti Nasional
- D Integrasi Nasional

S20 Mengapakah elemen sejarah dianggap penting dalam pengajian Hubungan Etnik?

- A Sejarah mengandungi fakta-fakta yang perlu dihafal untuk mengingatnya
- B Sejarah mengaitkan satu peristiwa dengan peristiwa yang lain yang berkaitan
- C Pengajian Hubungan Etnik hanya berkisar pada peristiwa yang berkaitan dengan sejarah pembangunan ekonomi dan sosial semata-mata
- D Sejarah mengandungi banyak peristiwa dan pengalaman yang boleh diteladani dan dijadikan pengajaran dalam proses pengisian dan pengukuhan kemerdekaan

S21 'Meraikan kepelbagaian dan membudayakan perpaduan' merujuk kepada

- A harmonis dan berkualiti
- B pengorbanan dan persaudaraan
- C mencari titik perbezaan dalam konflik
- D perbezaan merupakan satu keisimewaan

S22 Apakah konsep yang merujuk kepada pengasingan kategori manusia secara biologikal dan fizikal?

- A Ras
- B Suku
- C Etnik
- D Bangsa

S23 Ajaran Agama Buddha menekankan Empat Kebenaran Mulia mengenai alam.

Berikut adalah kebenaran-kebenaran tersebut **kecuali**

- A penderitaan hidup adalah lumrah alam
- B bagi mengelakkan penderitaan, manusia mesti mengikut nafsunya
- C bagi mengelakkan penderitaan, manusia mesti mengatasi nafsunya
- D penderitaan manusia adalah berpunca daripada nafsu untuk kaya dan seronok

S24 'Membentuk negara Malaysia yang bersatu padu sebagai satu Bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara'

Bagaimanakah matlamat di atas boleh dicapai?

- A Berkhidmat untuk mendapatkan gaji
- B Berkhidmat demi kuasa, kedudukan dan wang
- C Berkhidmat demi menjaga kepentingan diri sendiri
- D Berkhidmat dengan integriti untuk agama, bangsa dan Negara

S25 Konsep akulturasi dapat ditakrifkan sebagai

- A proses penyerapan sehalal individu atau kelompok ke dalam kelompok yang lain
- B satu proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang diterima oleh semua kelompok etnik dalam sesebuah Negara
- C satu keadaan apabila kelompok yang berkonflik mengadakan interaksi secara aman damai untuk menghentikan atau mengelakkan konflik yang wujud
- D satu proses penyerapan unsur-unsur kebudayaan daripada suatu budaya kepada budaya lain yang menghasilkan perubahan kepada sama ada atau budaya atau kedua-dua budaya tersebut

S26 Rukun negara adalah ideologi nasional yang menyentuh beberapa ciri penting sebuah bangsa Malaysia. Yang manakah satu tiada kaitan dengan prinsip rukun negara?

- A membina rakyat yang bersatu padu dan sanggup memberikan taat setia yang paling utama kepada negara
- B membina masyarakat adil yang menawarkan persamaan peluang untuk menikmati kemakmuran negara serta pengagihan kekayaan yang adil dan saksama
- C membina masyarakat yang progresif iaitu dapat menyeimbangkan antara kemajuan sains dan teknologi bersama dengan perkembangan nilai-nilai rohani dan murni
- D membina rakyat yang cerdas dan cergas bagi memastikan rakyat sentiasa berdaya tahan untuk berjuang mempertahankan negara secara fizikal mahupun mental

- S27** Apakah peristiwa yang menyebabkan terhasilnya Rukun Negara?
- A Peristiwa 13 Mei 1969
 - B Peristiwa 31 Ogos 1957
 - C Kedatangan penjajahan Jepun
 - D Kejayaan Tanah Melayu mendapatkan kemerdekaan
- S28** Hubungan intra etnik merujuk kepada hubungan
- A antarabangsa yang berlainan agama
 - B sesama satu kaum atau satu keturunan
 - C antarabangsa yang berlainan keturunan
 - D antara satu kaum dengan kaum yang lain
- S29** _____ merujuk kepada sikap dan kepercayaan bahawa budaya dan nilai etnik sendiri lebih baik, tinggi dan mulia berbanding nilai budaya etnik lain
- A Prejudis
 - B Stereotaip
 - C Nasionalisme
 - D Etnosentrisme
- S30** Pilih susunan kaum etnik yang manakah benar di Malaysia mengikut keutamaan kawasan
- A Serani – Perak
 - B Kadazan – Sabah
 - C Melanau – Sabah
 - D Baba Nyonya – Pulau Pinang
- S31** Di Malaysia, badan yang bertanggungjawab memantau hak asasi manusia tanpa mengira kaum ialah _____
- A Persatuan Hak Asasi Manusia
 - B Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
 - C Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
 - D Suruhanjaya Kehakiman Malaysia

S32 Yang manakah satu **bukan** merupakan cabaran dalam aspek sosial?

- A Dominasi ekonomi
- B Perbezaan pekerjaan
- C Pemisahan penempatan
- D Jurang pendapatan rakyat

S33 Bahasa memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan kaum di Malaysia kerana bahasa membolehkan seseorang _____

- A Menjalankan aktiviti bersama
- B Berkomunikasi dengan kaum lain
- C Mengurangkan prasangka antara kaum
- D Mengetahui pantang larang sesuatu kaum

Soalan 34 berdasarkan Jadual 2

Jadual 2

Perkara		Peruntukan	
O	Perkara 3 (1)	X	Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu
P	Perkara 32 (1)	Y	Islam ialah Agama bagi persekutuan
Q	Perkara 152 (1)	Z	Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Negara

S34 Padankan Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan dengan peruntukannya

- A O:Y, P:X dan Q:Z
- B O:X, P:Z dan Q:Y
- C O:Z, P:X dan Q:Y
- D O:Y, P:Z dan Q:X

S35 Neokolonialisme pada zaman globalisasi berlaku dalam aspek berikut **kecuali**

- A Nilai dan pemikiran
- B Kebudayaan dan moral
- C Bahasa dan pendidikan
- D Ketenteraan dan pertahanan

S36 Setiap individu yang lahir dan mendapat hak kerakyatan secara jus soli tanpa syarat dalam sesebuah negaranya, tidak lagi mempunyai kaitan dan hubungan dengan mana-mana negara asing

Teori ini berasaskan kepada persamaan

- A sejarah
- B ideologi
- C kebudayaan
- D darah keturunan

S37 Apakah kesan pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan?

- A Memupuk perpaduan
- B Menghapuskan pengaruh komunis
- C Merapatkan hubungan antara negara
- D Merapatkan jurang ekonomi antara kaum

S38 Masyarakat pluraliti di Alam Melayu terbentuk melalui proses semulajadi seperti berikut **kecuali**

- A ada yang dipaksa berkahwin dengan penduduk tempatan
- B ada yang mengamalkan budaya kehidupan orang Melayu
- C pelbagai bangsa datang berdagang secara sukarela untuk mencari kehidupan dan kekayaan
- D para pedagang yang datang berjaya mewujudkan interaksi yang mesra dengan penduduk tempatan

S39 Kedatangan British telah mengubah epistemologi ilmu di Alam Melayu kepada epistemologi yang bersifat

- A amalan perdukunan atau perbomohan menggunakan jampi serapah
- B amalan interaksi dengan makhluk alam ghaib untuk mengubati sesuatu penyakit
- C rasional atau saintifik yang memerlukan pembuktian sesuatu melalui pancaindera
- D rasional atau saintifik yang tidak memerlukan pembuktian sesuatu melalui pancaindera

S40 Pedagang Arab, Cina dan India telah berinteraksi aktif dengan penduduk tempatan sehingga mewujudkan kelompok masyarakat baru

Kelompok-kelompok berikut adalah masyarakat baru melainkan

- A India + Arab = Mamak
- B Portugis + penduduk tempatan = Serani
- C Cina + penduduk tempatan = Baba nyonya
- D Arab + penduduk tempatan = Syed/Syarifah

S41 Manakah satu faktor yang betul mengenai pembentukan masyarakat pluralistik di Tanah Melayu?

- A Perkembangan perusahaan getah mulai abad ke-20
- B Perkembangan bijih timah mulai pertengahan abad ke-19
- C Penghijrahan orang Cina dan India secara besar-besaran ke Tanah Melayu
- D Kemasukan pedagang-pedagang dari Cina dan India secara beramai-ramai ke Tanah Melayu

S42 Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 1896 dianggotai oleh negeri

- A Kedah, Perak, Selangor dan Pahang
- B Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan
- C Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perlis
- D Kedah, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan

S43 Konsep ketertinggian perlembagaan di Malaysia bermaksud

- A Kabinet menjalankan tugas melalui peruntukan kuasa yang diterima daripada Yang di-Pertuan Agong
- B Badan Perundangan, eksekutif dan kehakiman memperoleh kuasa daripada Perlembagaan Persekutuan
- C Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang kedua tertinggi selepas kuasa Yang di-Pertuan Agong
- D kuasa bidang kehakiman mahkamah di Malaysia tidak tertakluk kepada kehendak perlembagaan di dalam sesetengah kes

S44 Kontrak Sosial merujuk kepada

- A perjanjian damai antara kaum Melayu dan bukan Melayu selepas tragedi 13 Mei 1969
- B perjanjian antara penjajah Inggeris dengan kaum Cina dan kaum India yang dibawa oleh British sebagai buruh kontrak di Tanah Melayu
- C penerimaan kaum Melayu terhadap kaum keturunan Cina dari Negara China dan kaum keturunan India dari Negara India sebagai buruh kontrak di Tanah Melayu
- D permuafakatan politik di antara kaum Melayu, Cina dan India berhubung dengan persetujuan beberapa perkara sebagai asas pengubalan Perlembagaan Persekutuan 1957

Soalan 45 berdasarkan Pernyataan 2

Pernyataan 2

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Etnik lain juga diberikan ruang dan peluang• Hak sama rata; Perkara 8• Hak pelajaran; Perkara 12• Hak terhadap harta; Perkara 13 |
|---|

S45 Perkara-perkara yang dinyatakan pada Pernyataan 2 di atas adalah bagi mengimbangi perkara berkaitan dengan _____ dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

- A Raja berkuasa mutlak
- B Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- C Agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan
- D Hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak

S46 Berikut merupakan ciri utama sesebuah masyarakat **kecuali**

- A berbudaya
- B berkumpulan
- C mengalami perubahan
- D mempunyai aturan sosial

Soalan 47 berdasarkan Pernyataan 3

Pernyataan 3

Dayak, Bidayuh, Malanau, Orang Ulu, Iban dan Penan

S47 Di manakah negeri asal etnik-etnik ini?

- A Brunei
- B Sabah
- C Sarawak
- D Semenanjung Malaysia

Soalan 48 berdasarkan Pernyataan 4

Pernyataan 4

Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen

S48 Peruntukan di atas termaktub dalam Perkara?

- A 5
- B 3 Fasal 1
- C 151 Fasal 1
- D 152 Fasal 1

Soalan 49 berdasarkan Pernyataan 5

Pernyataan 5

- Jenis: perkahwinan campur
- Contoh: Masyarakat baba dan Nyonya (Melaka)
- Kaedah: Cina + Melayu = Baba Nyonya
- Implikasi: Perkahwinan campur melahirkan kelompok baru yang mempunyai budaya baru

S49 Apakah tahap bagi proses di atas?

- A Asimilasi
- B Akulturasi
- C Akomodasi
- D Amalgamasi

Soalan 50 berdasarkan Pernyataan 6

Pernyataan 6

- Negara bangsa bersatu padu
- Berjiwa bebas, teguh dan berkeyakinan diri
- Bermoral dan beretika
- Demokrasi yang matang

S50 Pernyataan 6 di atas menunjukkan cabaran yang terdapat dalam


- A Islam Hadhari
- B Wawasan 2020
- C Pelan Induk Perindustrian
- D Dasar Sains dan Teknologi

S51 Malaysia sebuah negara yang diwarisi daripada kuasa penjajah memperlihatkan keunikan dan kepelbagaian. Keadaan ini boleh dilihat dalam keadaan berikut **kecuali**

- A penyusunan dan penempatan yang berbeza mengikut etnik
- B pembangunan antara wilayah dan negeri yang tidak seimbang
- C kebenaran dan galakan penjajah terhadap kewujudan parti pelbagai kaum
- D wujud masyarakat majmuk yang mempunyai latar belakang dan kehidupan yang berbeza

Soalan 52 berdasarkan Rajah 1

Rajah 1



S52 Urutan peristiwa pada rajah mengenai _____

- A ideologi yang dibawa oleh penjajah perlu ditolak sama lelaki
- B penjajah hanya dapat diusir keluar setelah semua rakyat bersatu
- C permuafakatan dan tolak ansur penting dalam masyarakat pelbagai kaum
- D pilihan raya merupakan jalan penyelesaian dalam proses memilih pemimpin

Soalan 53 berdasarkan Pernyataan 7

Pernyataan 7

Bumiputera Sabah telah mendapat hak istimewa dalam Perlembagaan Malaysia semasa pembentukan Persekutuan Malaysia pada 1963

S53 Keadaan dalam pernyataan menunjukkan bahawa persefahaman dan corak politik di negara kita dipengaruhi dan ditentukan juga oleh _____

- A sifat demografi penduduk
- B kekuatan perjuangan sesuatu kaum
- C nasihat dan pandangan daripada kuasa kolonial
- D kecenderungan dan pertimbangan seseorang pemimpin Negara

S54 Pelbagai implikasi ditimbulkan akibat ketiadaan sistem pendidikan yang seragam di Malaysia sebelum merdeka

Antara yang berikut yang manakah **bukan** satu daripada implikasinya?

- A Perpaduan pelbagai kaum sukar dipupuk
- B Rakyat pelbagai kaum tidak mempunyai sikap patriotisme
- C Ruang dan peluang murid pelbagai kaum untuk berkomunikasi sangat terhad
- D Murid gagal mengaplikasikan ilmu yang pelajari dalam kehidupan seharian

S55 Yang mana satukah **bukan** prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- A Budaya mempunyai nilai yang sejagat dan dinamik
- B Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini
- C Islam menjadi unsur yang penting dalam dasar tersebut
- D Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan

S56 Jika anda sebagai seorang pemimpin negara, perkara manakah **bukan** sepatutnya dalam pertimbangan anda?

- A Memperjuangkan kebajikan kaum sendiri melalui saluran perlembagaan
- B Memberi kefahaman kepada pengikut dan rakyat tentang segala dasar kerajaan
- C Mengambil kesempatan mencari populariti apabila timbul masalah perkauman
- D Menyeru masyarakat menghargai kehidupan bersama dalam etnik-etnik yang berbeza

S57 Sebagai rakyat Malaysia, anda seharusnya berbangga dan bersyukur terhadap segala apa yang kita punyai dan miliki. Pernyataan berikut adalah langkah dan tindakan yang sepatutnya diambil oleh anda **kecuali**

- A berbelanja dan melancong hanya di luar negara
- B berusaha menghayati segala seruan dan usaha kerajaan
- C mematuhi undang-undang dan mengamalkan nilai-nilai murni
- D mencari dan mencipta persamaan dalam kepelbagaian keturunan

S58 Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai perlunya keharmonian hubungan etnik dalam sesebuah negara?

- I Mencerminkan struktur sosial sesebuah negara
 - II Menggambarkan perkembangan sejarah dan sosio-ekonomi
 - III Mengelakkan ketegangan sosial dalam sesebuah masyarakat
 - IV Memastikan dasar dan perancangan pembangunan negara berjalan lancar
-
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S59 Antara berikut yang manakah Rancangan Malaysia yang terkandung di dalam Dasar Wawasan Negara?

- I RMK 5
- II RMK 6
- III RMK 7
- IV RMK 8

- A I
- B II
- C III
- D IV

S60 Pilih antara berikut, usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan

- I Rukun Negara
- II Dasar Ekonomi Baru
- III Dasar Kebudayaan Malaysia
- IV Dasar Pendidikan Kebangsaan

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D Semua di atas

S61 Terdapat beberapa strategi yang telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan, antaranya ialah

- I menyediakan peluang pendidikan asas selama sepuluh tahun
- II mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin
- III mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua pelajar
- IV menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama

- A I dan IV
- B II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S62 Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2005-2010 telah merancang pelbagai strategi untuk mengukuhkan perpaduan rakyat.

Apakah strategi-strategi berkenaan?

- I strategi politik : persefahaman
- II strategi ekonomi : pengimbangan taraf
- III strategi pendidikan : menggalakkan sosialisasi
- IV strategi Integrasi wilayah : penerimaan perbezaan

- A I dan IV
- B II dan III
- C I dan III
- D Semua di atas

S63 Apakah tiga asas penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- I Berteraskan kebudayaan rakyat asal
- II Agama Islam sebagai unsur penting
- III Liberal terhadap warisan dan budaya bukan Melayu
- IV Unsur-unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar boleh diterima

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

S64 Pilih Rancangan Malaysia jangka lima tahun yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru

- I Rancangan Malaysia Kedua
- II Rancangan Malaysia Ketiga
- III Rancangan Malaysia Pertama
- IV Rancangan Malaysia Keempat

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S65 Susun secara kronologi latar belakang pendidikan Negara

- I Penyata Razak
- II Penyata Barnes
- III Penyata Fenn Wu
- IV Ordinan Pelajaran
- V Penyata Rahman Talib

- A I, II, III, IV dan V
- B II, III, I, IV dan V
- C II, IV, I, III dan V
- D V, IV, III, II dan I

S66 Mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika adalah salah satu daripada cabaran dalam Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Cabaran ini adalah untuk mencapai piawaian

- I rakyat Malaysia bermoral tinggi
- II rakyat Malaysia beretika dan berintegriti
- III mempunyai nilai komunikasi yang mantap
- IV rakyat Malaysia mempunyai amalan gaya hidup sihat dari sebarang penyakit

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

S67 Hubungan secara langsung antara Gugusan Kepulauan Melayu dengan China yang diasaskan pada awal abad ke-5 masihi adalah disebabkan beberapa faktor iaitu

- I politik
- II keagamaan
- III penaklukan
- IV perdagangan

- A I, II, III
- B I, II, IV
- C II, III, IV
- D Semua di atas

S68 Berikut ialah ciri-ciri Malayan Union yang berhubungkait dengan kewarganegaraan

- I hak kerakyatan yang sama bagi semua orang tanpa mengambil kira bangsa dan keturunan
 - II sesiapa sahaja boleh menjadi warga Negara jika berumur 18 tahun ke atas dan telah menetap selama sepuluh daripada lima belas tahun sebelum 15 Februari 1942
 - III Malayan Union memberikan hak warganegara kepada sesiapa sahaja yang lahir di Tanah Melayu
 - IV sesiapa sahaja boleh menjadi warganegara secara automatik jika berumur 18 tahun tanpa syarat lain
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S69 Islam Hadhari menggariskan 10 prinsip. Antara 10 prinsip tersebut adalah seperti

- I Penguasaan ilmu pengetahuan
 - II Kerajaan yang adil dan beramanah
 - III Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif
 - IV Pembelaan hak kumpulan majoriti, orang tua, wanita dan kanak-kanak
- A II dan IV
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

S70 Unsur-unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia meliputi perkara-perkara berikut

- I Bahasa Kebangsaan
 - II Agama Persekutuan
 - III Pemerintahan beraja
 - IV Kedudukan istimewa orang Melayu, Cina dan India
 - V Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah serta Sarawak
- A I, III dan IV
 - B I, II, IV dan V
 - C I, II, III dan V
 - D Semua di atas